



# INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS JOURNAL OF LANGUAGES

## PENGGUNAAN DIALEK MELAYU SIAM OLEH GOLONGAN REMAJA DI AYER HANGAT, LANGKAWI.

**Nur Zulaikha Lyana Halim<sup>1</sup>, Julaina Nopiah<sup>1\*</sup>Adriana Santa Tinggom<sup>2</sup>**

*<sup>1&2</sup> Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*

*\*E-mel pengarang koresponden: [julainanopiah@iium.edu.my](mailto:julainanopiah@iium.edu.my)*

---

### ABSTRAK

Daerah Langkawi yang terletak di negeri Kedah menyebabkan penduduknya sentiasa menggunakan dialek Kedah ketika berkomunikasi dalam kehidupan seharian. Namun begitu, penduduk di Ayer Hangat lebih cenderung menggunakan dialek Melayu Siam ketika berkomunikasi antara satu sama lain. Sehubungan itu, kajian ini akan membincangkan mengenai penggunaan dialek Melayu Siam oleh golongan remaja di Ayer Hangat, Langkawi. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti penggunaan dialek Melayu Siam dan menganalisis faktor pemilihan bahasa dialek mengikut situasi formal atau tidak formal dalam golongan remaja di Ayer Hangat, Langkawi. Kajian ini menggunakan teknik temu bual, pemerhatian dan soal selidik bagi mendapatkan data mengenai penggunaan dialek Melayu Siam dalam golongan remaja. Hasil kajian mendapati bahawa sebanyak 30 perkataan dalam dialek Melayu Siam telah dikumpulkan. Faktor pemilihan bahasa bagi dialek Melayu Siam mengikut situasi formal dan tidak formal menunjukkan bahawa golongan remaja lebih kerap menggunakan dialek Melayu Siam ketika berkomunikasi dalam situasi tidak formal seperti berkomunikasi dengan keluarga dan rakan-rakan. Namun, golongan remaja hanya menggunakan bahasa Melayu Standard ketika berkomunikasi dalam situasi formal seperti ketika bekerja. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan kajian ini dapat mendedahkan kewujudan

dialek Melayu Siam di Langkawi kepada masyarakat di luar dan semakin banyak kajian yang akan dihasilkan pada masa hadapan.

***Kata kunci:** dialek Melayu Siam, formal, Langkawi, pemilihan bahasa, penggunaan dialek, remaja*

---

## **PENGENALAN**

Pulau Langkawi merupakan salah satu pulau di negeri Kedah yang terletak di bahagian utara Kedah dan bersempadan dengan negeri Perlis serta bersempadan antarabangsa dengan Wilayah Satun Songkhla dan Yala di Thailand (Portal Kedah, 2023). Selepas pemeteraian perjanjian Siam-British di Bangkok pada tahun 1909, wilayah Satun telah dipisahkan daripada Kedah dan berada di bawah naungan Siam. Menurut Harishon Radzi et. al (2018), dialek Melayu Kedah Utara (DMK) dibawa dan digunakan oleh penduduk di Satun. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin et. al (2017) pula, masyarakat Siam yang bermigrasi ke Kedah telah bermastautin di kawasan sempadan Kedah-Thailand termasuk Langkawi setelah berlakunya serangan pertama oleh Siam ke atas Kedah. Perkara ini menyebabkan ramai orang Siam yang menetap di Langkawi membentuk sebuah komuniti di sebahagian Langkawi seperti di kawasan Ayer Hangat. Masyarakat Siam telah berasimilasi dan berlakunya perkahwinan campur antara orang Siam dengan penduduk di Langkawi yang menyebabkan terjadinya penyebaran dialek Melayu Siam di kawasan tersebut.

Pembangunan dunia berteknologi yang semakin pesat ini menyebabkan golongan remaja atau lebih dikenali sebagai Generasi Z lebih arif dalam dunia teknologi. Hal ini kerana golongan remaja lebih terdedah dengan kecanggihan teknologi sejak golongan remaja kecil lagi dan kehidupan seharian golongan remaja sentiasa dikelilingi dengan teknologi. Menurut NurHamizah Hashim dan Asbah Razali (2019), kemajuan teknologi dalam media baharu menyebabkan kegunaan teknologi sangat penting dalam kehidupan seharian manusia terutamanya golongan remaja. Perkara ini menyebabkan golongan remaja lebih banyak menggunakan bahasa Melayu standard dan slanga yang terdapat di media sosial untuk berkomunikasi berbanding dengan menggunakan dialek yang digunakan oleh masyarakat sekeliling.

Menurut Jamal Rizal Razali et. al(2021), perbezaan yang wujud di antara dialek dengan dialek yang lain bukan menjadi penyebab utama penuturnya tidak dapat berkomunikasi dengan penutur yang lain. Hal ini kerana penuturnya masih boleh berkomunikasi walaupun terdapat jurang beberapa perbezaan linguistis

yang wujud di antara dialek-dialek tersebut. Dialek ini juga dapat didefinisikan sebagai sesuatu yang bernilai dan berharga buat masyarakat di Malaysia kerana dialek merupakan lambang dalam sesuatu daerah. Hal ini demikian kerana, setiap negeri di Malaysia mempunyai dialeknya yang tersendiri dan merupakan bahasa yang masih kekal digunakan sehingga ke hari ini. Di Langkawi, penduduknya menggunakan pelbagai subdialek seperti dialek Kedah dan dialek Melayu Siam di beberapa kawasan yang mempunyai penduduk Siam. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan berdasarkan dua objektif utama iaitu mengenal pasti penggunaan dialek Melayu Siam dalam golongan remaja di Ayer Hangat, Langkawi dan menganalisis faktor pemilihan bahasa dialek mengikut situasi formal atau tidak formal dalam golongan remaja di Ayer Hangat, Langkawi.

### **PERNYATAAN MASALAH**

Kawasan Ayer Hangat di Langkawi mempunyai pelbagai bangsa seperti bangsa Melayu dan bangsa Siam yang menetap di kawasan tersebut. Disebabkan kawasan Ayer Hangat yang mempunyai pelbagai bangsa, sesuatu perkataan yang diujarkan mungkin berbeza-beza sebutannya mengikut dialek yang dituturkan. Masyarakat setempat yang terdiri daripada golongan tua masih menggunakan dialek Melayu Siam dalam percakapan seharian. Hal ini dibincangkan dalam kajian Mohamed Fazal Mohamed Sultan (2019) yang menyatakan bahawa dialek Melayu Thai seperti dialek Melayu Satun yang berbeza dari segi fonologi dan leksikalnya dengan dialek Melayu Kedah telah bertapak di negeri Kedah lebih khusus di Langkawi sering menggunakan dialek Melayu Siam. Namun, 4 pengkaji ingin melihat sejauh mana pengaruh dialek Melayu Siam digunakan dalam pertuturan harian oleh golongan remaja dalam kajian ini. Hal ini kerana golongan muda yang lahir dalam zaman teknologi dan digital ini kebiasaannya menggunakan bahasa Melayu standard atau terpengaruh dengan bahasa di media sosial.

Selain itu, dialek Melayu Siam yang hanya digunakan di beberapa tempat mengikut taburan penduduk Siam yang menetap di Langkawi menyebabkan pengkaji ingin mengkaji tentang dialek Melayu Siam. Menurut pandangan daripada Remmy Gedat et. al (2021) yang menyatakan bahawa pemilihan bahasa diwujudkan apabila terdapat pertembungan antara dua atau lebih bahasa dalam komunikasi harian individu. Dalam kajian ini, terdapat dua bahasa yang sering digunakan oleh golongan remaja iaitu dialek Melayu Kedah dan dialek Melayu Siam. Pemilihan bahasa oleh golongan muda dalam penggunaan dialek Melayu Siam turut menarik perhatian pengkaji untuk membuat kajian ini kerana pengkaji ingin melihat jika golongan remaja masih menggunakan dialek Melayu Siam

dalam sesuatu situasi. Kajian daripada Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid dan Muhammad Zaid Daud (2018) yang membincangkan tentang pemilihan bahasa dari segi tidak formal yang melibatkan keluarga dan persahabatan dan formal yang melibatkan tentang pekerjaan telah mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian tentang pemilihan bahasa oleh golongan remaja di Ayer Hangat, Langkawi. Kekurangan kajian-kajian lepas mengenai dialek Melayu Siam dari segi pemilihan bahasa menyebabkan pengkaji membuat kajian tentang dialek ini.

## TINJAUAN LITERATUR

Penyelidikan berkaitan dialek sering kali ditelusuri oleh pengkaji-pengkaji tempatan dan luar negara kerana kajian berkenaan dialek ini bukanlah satu senario yang baru. Kepelbagaian dialek bukan sahaja telah menarik perhatian para sarjana bahasa untuk mengkaji dialek-dialek yang terdapat di Malaysia, malah dialek negara luar turut diberikan perhatian.

Antara kajian dialek yang akan dibincangkan dalam kajian ini ialah kajian yang dijalankan oleh Nor Hashimah Jalaluddin et. al (2020) yang bertajuk ‘Migrasi dan Lanskap Baharu dialek di Johor’. Secara umumnya, kajian ini telah dijalankan untuk mengenal pasti bahasa dan dialek yang diaplikasikan di negeri Johor, kesan migrasi dan seterusnya membentuk peta lanskap isoglos baharu dialek di negeri Johor berdasarkan kepada perisian Sistem Maklumat Geografi (GIS). Bagi merealisasikan kajian ini, para penyelidik menggunakan kaedah temu bual, soal selidik dan juga rakaman bagi menganalisis faktor perubahan sesuatu dialek berdasarkan angkubah bukan linguistik. Bukan itu sahaja, penyelidik juga telah mengaplikasikan perisian Sistem Maklumat Geografi (GIS) versi ArcGIS 10.3.1 yang bertujuan untuk menghasilkan peta lanskap dialek baharu di negeri Johor menerusi kaedah *Inverse Distance Weighted* (IDW) memandangkan perisian ini mampu menentukan titik kawasan kajian secara tepat serta membentuk pemetaan dialek, khususnya peta isoglos secara saintifik. Setelah kajian dijalankan, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat empat pengelasan data yang melibatkan migrasi antara wilayah dan tiga pengelasan dialek yang berasal daripada migrasi dalam wilayah di negeri Johor. Antara dapatan yang diperoleh ialah migrasi kemasukan Jawa ke Johor ialah seperti *kacau* ([*udəʔ*]), *kelapa* ([*klɔpɔ*]), *ikan* ([*iwaʔ*]), *cubit* ([*dʒiwet*] atau [*ʔiwet*]). Data bagi migrasi kemasukan Banjar ke Johor pula ialah seperti *kelapa* ([*kəlapaʔ*] atau [*ɲɔʔ*]), *kacau* ([*haruʔ*]) dan *ikan* ([*ekan*]). Bagi migrasi kemasukan Bugis ke Johor pula, data yang diperoleh ialah seperti *ikan* ([*blukaŋ*]), *kelapa* ([*kluku*]), *air*

(*[baju]* atau *[ɲumbɛ]*). Selain itu, data bagi migrasi kemasukan Minang ke Johor pula, datanya ialah seperti *lembu* (*[lɔmbu]*), *emak* (*[ɔmaʔ]*) dan *kelapa* (*[kəlapɔ]*). Bagi migrasi dalam wilayah ke Johor, terdapat tiga dialek yang berkaitan, iaitu dialek Melayu Kelantan dan Terengganu yang terdapat di Mersing Utara dan Melaka di wilayah Kesang, Muar. Bagi dialek Melayu Melaka, data yang diperoleh ialah seperti *ular* (*[ulaw]*), *pagar* (*[pagaw]*), *bayar* (*[bajaw]*) dan sebagainya. Bagi dialek Melayu Kelantan, data yang diberikan ialah seperti *ayam* (*[ajɛ]*), *rambutan* (*[moʔtɛ]*), *ikan* (*[ikɛ]*) dan pelbagai lagi manakala data bagi dialek Melayu Terengganu ialah seperti *ayam* (*[ajan]*), *rambutan* (*[moʔtan]*), *ikan* (*[ikan]*) dan lain-lain lagi. Secara kesimpulannya, kajian ini telah banyak memberi sumbangan pada lanskap baharu di negeri Johor.

Selain itu, kajian bertajuk Sebaran Leksikal ‘Ular’ di Negeri Johor Berdasarkan Pengaplikasian Sistem Maklumat Geografi telah dijalankan oleh Khairul Ashraaf Saari et.al (2019). Kajian lepas ini memfokuskan kepada penyebaran varian leksikal ‘ular’ di 10 daerah yang menjadi kawasan utama kajian dijalankan berpandukan kepada penggunaan tahap kerencaman yang tinggi di kawasan kajian. Kajian yang menggabungkan bidang linguistik dan teknologi ini juga dijalankan dengan menyebarkan borang soal selidik kepada 900 orang penutur natif dari 123 buah kampung yang berbeza bagi mendapatkan data dan turut menggunakan perisian Sistem Maklumat Geografi (GIS) berteraskan pendekatan deskriptif geolinguistik. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat tiga pengelasan dialek Melayu yang wujud di negeri Johor dan lapan varian bagi mewakili leksikal kajian. Tiga pengelasan dialek Melayu tersebut ialah penggunaan *subdialek Melayu Johor Bahru* (*ula*), penggunaan *subdialek Melayu Melaka* (*ulaw*) dan juga penggunaan *subdialek Melayu Muar-Batu Pahat* (*ulɔ*). Selain itu, lapan varian ‘ular’ yang digunakan oleh penutur natif ialah *seperti ula*, *ulaw*, *ulɔ*, *ulaʔ*, *lenka*, *ular*, *tali pingan* dan juga *galah*. Leksikal *ulaʔ* diperoleh berdasarkan kepada varian leksikal [ulaʔ] bagi masyarakat Bugis manakala leksikal *lenka*, *tali pingan* dan juga *galah* pula digunakan sebagai kiasan atau eufemisme kepada leksikal ular tersebut. Kesimpulannya, para pengkaji merumuskan bahawa terdapat dua daerah di Johor yang memiliki penggunaan varian ‘ular’ tertinggi yang bersamaan dengan lima varian, iaitu daerah Ledang dan Pontian.

Julaina et. al (2023) turut menjalankan satu kajian dialek yang bertajuk “Pemetaan Taburan Leksikal Dialek Muar: Satu Kajian Rintis”. Dengan berbantuan aplikasi Sistem Maklumat Geografi (GIS), kajian ini memfokuskan kepada pengenalan penyebaran varian leksikal dialek Melayu yang terdapat

di Lenga, Bukit Kepong dan Gombang dan seterusnya menghuraikan faktor sebarannya. Kajian ini sepenuhnya menggunakan kaedah kajian lapangan dengan melibatkan seramai enam orang informan kajian dan 60 orang responden kajian. Dapatan kajian ini menunjukkan sebanyak enam leksikal yang berbeza penggunaan varian manakala terdapat sembilan leksikal yang mempunyai persamaan dialek penggunaannya di Lenga, Gombang dan Bukit Kepong. Di samping itu, kajian ini turut memperlihatkan bahawa terdapat tiga faktor penyebaran varian di antara ketiga-tiga kawasan ini, antaranya persempadanan, bentuk muka bumi dan ruang (spatial) serta migrasi.

Kajian seterusnya dijalankan oleh Adi Yasran Abd. Aziz pada tahun 2011 yang bertajuk Perbandingan Aspek Fonologi Dialek Muar dan Melaka Berdasarkan Teori Transformasi Generatif. Kajian ini menekankan kepada aspek perbezaan aspek fonologi antara dialek Muar dengan dialek Melaka berdasarkan teori transformasi generatif. Bagi memastikan kajian ini berjaya dijalankan, pengkaji telah menjalankan kajian lapangan dengan menemu bual beberapa orang responden di sekitar Muar dan Melaka untuk mendapatkan data yang sahih. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga aspek yang berjaya dikenal pasti, iaitu penambahan rumus, pengguguran rumus dan juga perbezaan atur rumus. Bagi penambahan rumus, terdapat dua lagi aspek yang dikenal pasti, iaitu *peninggian vokal* dan *perendahan vokal*. Peninggian vokal merujuk kepada leksikal /a/ akan diubah menjadi /ə/ apabila berada di akhir kata. Perendahan vokal pula merujuk kepada leksikal /i/ akan berubah menjadi sebutan /e/ apabila berada di suku kata akhir tertutup yang diakhiri dengan huruf K. Seterusnya, data bagi perbezaan atur rumus pula menunjukkan perbezaan antara dialek Muar dan juga dialek Melaka. Bagi dialek Muar, rumus yang dikenal pasti oleh pengkaji ialah huruf /r/ menjadi Ø / [ \_ ] ə. Perkara ini bermaksud /r/ akan digugurkan apabila berada di akhir perkataan dan digantikan dengan huruf /ə/. Bagi dapatan penghilangan rumus pula, pengkaji memecahkan lagi dapatan ini kepada dua lagi aspek seperti *pengguguran getaran* dan juga *pembentukan glotal*. Pengguguran getaran merujuk kepada rumus leksikal /r/ dalam beberapa perkataan yang berubah menjadi Ø kerana pengguguran bunyi /r/ tersebut. Sebagai contoh, /pergi/ menjadi [pegi], /pertama/ menjadi [petamə], /kerja/ menjadi [kedze] dan pelbagai lagi. Bagi aspek pembentukan global pula, aspek ini merujuk kepada penukaran /k/ menjadi /ʔ/ di posisi akhir perkataan.

Berdasarkan kajian oleh Xuebin Ma et.al (2009) yang bertajuk ‘Structural Analysis of Dialects, Sub-dialects and Sub-sub-dialects of Chinese’ meneliti mengenai subdialek-subdialek yang terdapat di negara China. Kajian ini berjaya

menemui lebih seratus jenis dialek yang terdapat di China. Mengikuti dialektologi tradisional, negara China diklasifikasikan kepada tujuh wilayah dialek besar dan kebanyakannya juga mempunyai banyak subdialek. Oleh kerana mereka berbeza dalam pelbagai aspek linguistik, orang dari kawasan dialek yang berbeza sering tidak dapat berkomunikasi secara lisan. Namun begitu, bagi subdialek satu wilayah dialek, meskipun kadangkala masih tidak dapat difahami bersama, ciri yang lebih umum dikongsi. Dalam makalah ini, struktur sebutan dialek, yang telah digunakan dengan jayanya dalam klasifikasi penutur berasaskan dialek dalam kerja kami sebelum ini [1], dikaji untuk tugas klasifikasi penutur dan pengukuran jarak antara bandar berdasarkan subdialek Mandarin. Menggunakan peringkat akhir ujaran dialek senarai tertentu aksara bertulis, struktur sebutan dialek dibina untuk setiap penutur dalam set data dan penutur ini diklasifikasikan berdasarkan jarak antara struktur mereka. Kemudian, hasil pengkelasan 16 penutur bahasa Mandarin berdasarkan subdialek mereka menunjukkan bahawa mereka diklasifikasikan secara linguistik dengan sedikit pengaruh umur dan jantina mereka. Akhir sekali, jarak antara sub-sub dialek dikira dan dinilai secara serupa. Kesemua keputusan menunjukkan kesahan yang tinggi dan mengikut kajian linguistik.

Kajian seterusnya dijalankan oleh Siti Noraini Hamzah dan Nor Hashimah Jalaluddin pada tahun 2018 telah meneliti kepelbagaian dialek yang terdapat di negeri Perak berdasarkan leksikal /air/, /bantal/ dan /saya/. Penyelidik memilih leksikal-leksikal ini dan membandingkan penggunaannya antara golongan tua dan golongan muda di kawasan Larut Matang, Selama, Hulu Perak, Kerian, Kuala Kangsar, Manjung, Kampar, Perak Tengah, Kinta, Batang Padang dan Hilir Perak. Antara varian /air/ ialah [ae], [ajaŋ], [baŋu], [ajɔ], [ʔ<sup>a</sup>e] dan [ajiə], varian /bantal/ pula ialah [bantaj], [bata] dan [bantɛ] manakala varian /saya/ pula ialah [saja], [kami], [ʃɛʔ], [awɔʔ], [sajɔ], [aku], [sajə], [akuʔ], [kumə], [awɔ/], [təman], [sajɛ], [ajɛ] dan [den]. Selain itu, hasil dapatan faktor bagi penggunaan dialek ini memperlihatkan latar belakang penduduknya mempengaruhi kepelbagaian varian yang dituturkan oleh penutur dialek di Perak. Kajian mereka memperlihatkan bahawa generasi tua cenderung untuk mengekalkan varian asli dialek Perak ini manakala golongan muda lebih selesa dalam menggunakan bahasa Melayu standard dalam pertuturan mereka. Kesimpulannya, kajian yang mengintegrasikan penggunaan GIS ini secara tidak langsung dapat memberi sumbangan kepada bidang dialektologi hasil daripada pemetaan bagi taburan leksikal /air/, /bantal/ dan /saya/ di Perak.

Di samping itu, kajian bertajuk *The Continuum of Terengganu Dialect Along The East Coast Malaysia: A Geolinguistic Study* yang dijalankan oleh Nor Hashimah Jalaluddin, Wan Athirah Adilah dan Khairul Ashraaf Saari (2021). Dialek Terengganu mempunyai beberapa keistimewaan tersendiri jika hendak dibandingkan dengan ragam lain yang dituturkan di pantai timur. Dialek Terengganu merupakan salah satu bentuk bahasa yang paling banyak digunakan. Perubahan hidung, pemadaman hidung, pengubahsuaian geseran, pemadaman cecair dan monophthongisasi adalah beberapa ciri yang paling ketara. Kualiti dialek ini agak berbeza dengan ciri-ciri bahasa Melayu arus perdana. Dalam projek penyelidikan khusus ini, terdapat sejumlah 500 responden yang mengambil bahagian dalam kerja lapangan di lokasi kampung yang berbeza. Responden ditemu bual dan dapatan kajian menunjukkan bahawa unsur-unsur dialek Terengganu digunakan secara meluas dan telah berkembang ke seluruh wilayah selatan Malaysia. Oleh itu, jelaslah bahawa dialek Terengganu merangkumi julat yang berterusan. Penyebaran dialek ini banyak dipengaruhi oleh faktor yang tidak bersifat linguistik, misalnya sejarah, keadaan sosioekonomi dan lokasi geografi. Penemuan batu berukir di negeri Terengganu pada 1303 Masihi membawa kepada status sejarah wilayah itu sebagai buaian tamadun. Pedagang Cina melihat laluan air itu sebagai lanjutan daripada Jalan Sutera. Selain itu, masyarakat yang menetap di Terengganu terkenal dengan kepakaran mereka dalam bidang pembinaan kapal dan pelayaran. Selain itu, tanah rata yang berhampiran dengan air memudahkan orang ramai untuk bergerak dan menyebarkan dialek ini. Penyelidikan ini membentangkan analisis geolinguistik berasaskan GIS yang menawarkan pandangan baharu tentang cara dialek Terengganu tersebar dan bagaimana kesinambungan dialek itu ditubuhkan.

Kebanyakan kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji lepas mengkhusus kepada penggunaan dialek, sama ada melalui bantuan teknologi (GIS) atau tanpa bantuan teknologi (kajian tradisional) hanya menumpukan kepada bentuk pertuturan, perbezaan fonologi, pemetaan dialek serta penyebaran dialek daerah itu sahaja. Pada pengamatan pengkaji, kurangnya kajian lepas yang menumpukan pengkajian penggunaan dialek yang mengkhusus kepada golongan tertentu. Justeru, kajian ini ingin menambah satu variasi kajian dialek dengan menumpukan penggunaan Dialek Melayu Siam oleh Golongan Remaja di Ayer Hangat, Langkawi.

## **METODOLOGI**

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif dan menggunakan tiga instrumen kajian yang utama iaitu teknik internet, teknik soal selidik dan teknik pemerhatian. Tiga teknik ini digunakan bagi mendapatkan data yang jelas



berkaitan dengan penggunaan dialek Melayu Siam dan pemilihan bahasa yang berlaku dalam situasi formal atau tidak formal oleh golongan remaja di Ayer Hangat, Langkawi. Teknik soal selidik digunakan bagi mengumpul data dengan menyediakan soalan yang berkaitan tentang objektif kajian yang dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.

Seterusnya, data-data yang terkumpul ditranskripsikan dalam bentuk graf untuk menunjukkan gambaran hasil perbincangan mengikut kategori domain pemilihan bahasa iaitu domain kekeluargaan, domain persahabatan dan domain pekerjaan yang terdapat dalam Teori Pemilihan Bahasa (1970).

## DAPATAN KAJIAN

Bab ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu demografi responden, mengenal pasti penggunaan dialek Melayu Siam dan menganalisis faktor pemilihan bahasa dialek Melayu Siam mengikut situasi formal atau tidak formal dalam golongan remaja di Ayer Hangat, Langkawi.

### Demografi Responden

Demografi responden dibahagikan mengikut kelompok jantina dan kumpulan umur yang diperoleh daripada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada golongan remaja di Ayer Hangat, Langkawi. Bilangan sampel seramai 30 orang ini dapat membantu pengkaji untuk menjalankan kajian ini.

### Jantina

Jadual 1: Taburan Jantina Responden

| Bil. | Jantina   | Kekerapan (Orang) | Peratusan (%) |
|------|-----------|-------------------|---------------|
| 1.   | Lelaki    | 9                 | 30            |
| 2.   | Perempuan | 21                | 70            |
|      | JUMLAH    | 30                | 100           |

## Umur

Jadual 2: Taburan Kategori Umur Responden

| Bil. | Umur                             | Kekerapan (Orang) | Peratusan (%) |
|------|----------------------------------|-------------------|---------------|
| 1.   | 13 tahun - 17 tahun (Kumpulan A) | 2                 | 6.7           |
| 2.   | 18 tahun - 22 tahun (Kumpulan B) | 7                 | 23.3          |
| 3.   | 23 tahun - 27 tahun (Kumpulan C) | 21                | 70            |
|      | JUMLAH                           | 30                | 100           |

Berdasarkan jadual 1 dan jadual 2, demografi responden menunjukkan taburan bagi jantina dan kategori responden yang telah menjawab soal selidik bagi kajian ini. Taburan responden ini diambil kira kerana pengkaji ingin melihat perbezaan pendapat daripada jantina lelaki dan perempuan serta kategori umur golongan remaja yang terlibat dalam kajian ini.

## PENGGUNAAN DIALEK MELAYU SIAM DALAM GOLONGAN REMAJA DI AYER HANGAT, LANGKAWI.

Pada bahagian ini, menyenaraikan perkataan, maksud dan sebutan yang betul berdasarkan bunyi yang diujarkan dalam dialek Melayu Siam oleh golongan remaja di Ayer Hangat, Langkawi.

Jadual 3: Senarai Perkataan yang Digunakan dalam Dialek Melayu Siam

| Bil. | Perkataan dalam dialek Melayu Siam | Maksud                  |
|------|------------------------------------|-------------------------|
| 1.   | Sawadi khrab/Sawadi kha            | Helo                    |
| 2.   | Peng arai ni?                      | Apa nak jadi?           |
| 3.   | Mai mee muen gan ka                | Saya pun tidak ada juga |
| 4.   | Ma loiee                           | Ayuh datang             |
| 5.   | Suiai chang leii                   | Cantik betul            |

|     |                               |                         |
|-----|-------------------------------|-------------------------|
| 6.  | Keng chang                    | Pandainya..             |
| 7.  | Diao pai naa                  | Nanti datang ya..       |
| 8.  | Yak paii                      | Saya hendak pergi       |
| 9.  | Mai pen rai laei ka           | Tidak mengapa           |
| 10. | Aroi                          | Sedap                   |
| 11. | Chan rak ter                  | Saya sayang awak        |
| 12. | Kin kao                       | Makan nasi              |
| 13. | Namron                        | Air hangat              |
| 14. | Mai shai                      | Tidak betul             |
| 15. | Thi nai                       | Di mana?                |
| 16. | Khob khun krab/ khob khun kha | Terima kasih            |
| 17. | Kin nam                       | Minum air               |
| 18. | Nam yeng                      | Air sejuk               |
| 19. | Nam kheng                     | Ais batu                |
| 20. | Tam arai                      | Mahu apa?               |
| 21. | Mai ru                        | Tidak tahu              |
| 22. | Pai nai                       | Pergi mana?             |
| 23. | Wan ni ru suk nyang ngai?     | Bagaimanakah hari anda? |
| 24. | Sa bai di mai                 | Adakah anda sihat?      |
| 25. | Lop ban                       | Balik rumah             |
| 26. | Rong riayn                    | Sekolah                 |
| 27. | Sarawat                       | Polis                   |
| 28. | Daeng                         | Merah                   |
| 29. | Chob                          | Suka                    |

|     |         |           |
|-----|---------|-----------|
| 30. | Mai mee | Tidak ada |
|-----|---------|-----------|

Berdasarkan jadual di atas, kajian ini mendapati terdapat 30 perkataan yang diujarkan oleh golongan remaja di Ayer Hangat, Langkawi. Perkataan yang diujarkan mempunyai perbezaan dengan dialek Kedah yang dituturkan oleh penduduk di sekitar Ayer Hangat, Langkawi dari segi sebutan dan bunyi ujaran perkataan tersebut. Sebutan bagi perkataan-perkataan ini mempunyai lenggoknya tersendiri kerana dialek Thai disebut dengan nada yang lembut.

Bagi penggunaan perkataan ‘Krab’ dan ‘Kha, kebiasaannya perkataan ini digunakan oleh seseorang di akhir perkataan untuk menunjukkan rasa hormat terhadap pendengar. Penggunaan perkataan ‘Krab’ hanya digunakan oleh penutur lelaki manakala perkataan ‘Kha’ pula digunakan oleh penutur perempuan. Misalnya, situasi dimana penutur perempuan berjumpa dengan seorang lelaki di kedai runcit dan penutur perempuan akan mengucapkan “Sawadeekha” kepada lelaki tersebut untuk menyapanya. Ini menunjukkan bahawa penutur perempuan menambahkan perkataan ‘Kha’ di akhir perkataan ‘Sawadee’ untuk menunjukkan rasa hormat terhadap pendengar.

### FAKTOR PEMILIHAN BAHASA DIALEK MELAYU SIAM MENGIKUT SITUASI FORMAL ATAU TIDAK FORMAL

Bahagian ini akan menganalisis faktor pemilihan bahasa dialek Melayu Siam mengikut situasi formal atau tidak formal berdasarkan respon yang diperoleh daripada soal selidik yang telah diedarkan kepada golongan remaja di Ayer Hangat, Langkawi.

Jadual 4: Faktor-Faktor Pemilihan Bahasa Mengikut Situasi Formal atau Tidak Formal.

| Bil. | Faktor Pemilihan Bahasa Mengikut Situasi Formal atau Tidak Formal                      | 1 (SS)     | 2 (S)      | 3 (TP)    | 4 (TS)    | 5 (STS)   |
|------|--|------------|------------|-----------|-----------|-----------|
| 1.   | Saya hanya menggunakan dialek Melayu Siam ketika berkomunikasi dengan keluarga sahaja. | 10 (33.3%) | 9 (30%)    | 5 (16.7%) | 2 (6.7%)  | 4 (13.3%) |
| 2.   | Saya menggunakan dialek Melayu Siam ketika berkomunikasi dengan rakan-rakan yang       | 8 (26.7%)  | 13 (43.3%) | 3 (10%)   | 4 (13.3%) | 2 (6.7%)  |

|    |  |             |             |              |               |               |
|----|--|-------------|-------------|--------------|---------------|---------------|
|    | menggunakan dialek Melayu Siam.  |             |             |              |               |               |
| 3. | Saya juga menggunakan dialek Melayu Siam dalam kalangan rakan-rakan yang tidak menggunakan dialek ini.                   | 1<br>(3.3%) | 3<br>(10%)  | 4<br>(13.3%) | 11<br>(36.7%) | 11<br>(36.7%) |
| 4. | Saya menggunakan dialek Melayu Siam apabila bertemu dengan orang yang boleh bertutur dalam dialek yang sama dengan saya. | 12<br>(40%) | 12<br>(40%) | 0            | 3<br>(10%)    | 3<br>(10%)    |
| 5. | Saya bertutur dalam dialek Melayu Siam semasa bekerja.   | 0           | 4<br>(13%)  | 9<br>(30%)   | 8<br>(26.7%)  | 9<br>(30%)    |
| 6. | Saya menggunakan dialek Melayu Siam dalam pelbagai situasi formal (seperti: membuat pembentangan dan temu duga)          | 0           | 2<br>(6.7%) | 4<br>(13.3%) | 9<br>(30%)    | 15<br>(50%)   |

Berdasarkan jadual 4 di atas, keluarga merupakan faktor utama yang mempengaruhi penggunaan bahasa. Keluarga merupakan orang yang kita selesa untuk berkomunikasi dalam pelbagai bahasa atau dialek dalam percakapan seharian (Sa'adiah Ma'alip & Teo Kok Seong, 2019). Perkara ini disokong dalam Teori Pemilihan Bahasa oleh Fishman dan Greenfield (1970), iaitu domain kekeluargaan yang menyatakan bahawa nilai-nilai kemesraan dalam hubungan kekeluargaan dapat dilihat melalui komunikasi golongan remaja dengan ahli keluarga. Golongan remaja yang dibesarkan dalam persekitaran yang dipenuhi dengan masyarakat yang menggunakan dialek Melayu Siam menyebabkan golongan remaja lebih cenderung untuk menggunakan dialek Melayu Siam dengan ahli keluarga. Selain daripada keluarga, keakraban dalam hubungan persahabatan antara golongan remaja menyebabkan golongan remaja selesa untuk bertutur dalam dialek Melayu Siam dan ada juga yang telah berkomunikasi dengan rakan-rakan dalam dialek Melayu Siam sejak kecil lagi.

Namun begitu, golongan remaja tidak akan menggunakan dialek Melayu Siam jika bertutur dengan rakan yang tidak menggunakan dialek ini. Hal ini kerana komunikasi dua hala tidak akan terjadi sekiranya golongan remaja dan rakannya bercakap dalam dialek yang berbeza menyebabkan dua pihak ini tidak

memahami antara satu sama lain. Golongan remaja menggunakan dialek Melayu Siam apabila golongan remaja bertemu dengan orang yang boleh bertutur dalam dialek yang sama kerana golongan remaja lebih selesa untuk berkomunikasi dalam dialek Melayu Siam. Sebagai contoh, sebuah situasi seorang pelajar melanjutkan pelajaran di luar negeri seperti di Johor dan menyebabkan pelajar ini perlu menggunakan dialek yang berbeza dituturkan. Apabila pelajar ini bertemu dengan seseorang yang menggunakan dialek Melayu Siam seperti pelajar ini menyebabkan pelajar tersebut menggunakan dialek yang sama untuk berkomunikasi dan perbualan tersebut akan menjadi lebih mesra.

Seterusnya, pekerjaan merupakan situasi formal yang dihadapi oleh golongan remaja dan golongan remaja perlu menggunakan bahasa yang boleh difahami oleh semua orang ketika bekerja dan bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi dan bahasa pengantar yang digunakan dalam negara kita. Bahasa kebangsaan sentiasa digunakan oleh golongan remaja ketika bekerja untuk melancarkan urusan dan berinteraksi dengan orang lain. Selanjutnya, golongan remaja lebih memilih untuk menggunakan bahasa kebangsaan atau dialek Kedah untuk berinteraksi dengan rakan sekerja, para pegawai atau pelanggan-pelanggan supaya maklumat dapat disampaikan dengan baik. Misalnya, apabila golongan remaja menghadiri sesi temu duga dengan syarikat dan golongan remaja menggunakan bahasa Melayu baku untuk menunjukkan sikap profesionalisme kepada penemu duga.

Oleh itu, golongan remaja akan memilih bahasa yang sesuai atas faktor situasi formal atau tidak formal supaya golongan remaja menggunakan bahasa yang betul pada waktu itu untuk menunjukkan rasa hormat, komunikasi yang mesra bersama dengan ahli keluarga dan rakan-rakan dan sikap profesionalisme ketika bekerja.

## **KESIMPULAN**

Tuntasnya, dialek merupakan satu varian bahasa yang dituturkan dalam kelompok masyarakat dan dalam kajian ini pengkaji mengkaji tentang dialek Melayu Siam yang digunakan dalam golongan remaja di Ayer Hangat, Langkawi. Kajian dialek menjadi lebih menarik apabila pengkaji mengkaji tentang dialek yang hanya masyarakat tertentu sahaja yang menuturkan dialek tersebut. Pengkaji telah memilih kawasan Ayer Hangat, Langkawi sebagai lokasi kajian kerana masyarakat di kawasan ini menuturkan dialek Melayu Siam dalam komunikasi harian.

Hasil kajian mendapati bahawa golongan remaja lebih selesa menggunakan dialek Melayu Siam ketika golongan remaja berkomunikasi dengan keluarga dan rakan-rakan yang juga menggunakan dialek yang sama ketika bertutur. Golongan remaja akan memilih bahasa yang sesuai ketika berada dalam situasi formal seperti ketika bekerja atau berada dalam majlis formal. Golongan remaja akan memilih bahasa Melayu standard atau bahasa Melayu Kedah ketika berkomunikasi dalam situasi formal untuk menghormati pekerja di tempat kerja dan menghormati orang yang berbeza taraf dengan golongan remaja.

Kajian mengenai dialek Melayu Siam hanya dijalankan oleh beberapa pengkaji lepas. Justeru, pengkaji berharap agar pengkaji yang akan datang dapat membuat kajian mengenai dialek Melayu Siam yang terdapat di Langkawi untuk menunjukkan bahawa masyarakat di Langkawi tidak hanya menuturkan dialek Melayu Kedah sahaja dan masyarakat di Langkawi mempunyai pelbagai dialek mengikut kawasan yang tertentu.

## RUJUKAN

- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nor Hashimah Jalaludin, Harishon Radzi, Junaidi Kasdan dan Muhammad Faiz Aizuddin Suhaimi. (2019). Dialek Melayu Perlis: Pemetaan Geodialek Beraplikasikan GIS. *Akademika* 89(2) (*Journal Universiti Kebangsaan Malaysia*)
- Harishon Radzi, Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan, Hayati Lateh dan Anati Hamidah Arifin. (2018). Tahap Pemahaman Leksikal Kata Kerja Dialek Melayu Kedah di Pulau Tuba dan Satun. *Jurnal Melayu Bil. 17(1)* (*Jorunal Univerisiti Kebangsaan Malaysia*).
- Jamal Rizal Razali, Jamilah Bebe Mohamad, Hasmadi Hassan. (2021). Dialek Keturunan Tok Linggi Sebagai Sumber Istilah dan Kearifan Tempatan. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*. 12(1) September 2021. 15-28.
- Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid dan Muhammad Zaid Daud. (2018). Individu dan Pemilihan Dialek: Kajian Kes di Kota Samarahan, Sarawak. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*
- Norfazila Ab. Hamid dan Norhasliza Ramli. (2020). Kajian Fonetik Varian Kuah: Dialek Melayu Langkawi. *E-Jurnal Bahasa dan Linguistik Vol.2* (2).
- Norliah Abdullah & Jaafar Jambi. (2017). Pusat-Pusat Pemerintahan Kesultanan Melayu Johor Membina Penempatan Awal Orang Melayu di Sepanjang Sungai Johor. *Jurnal Peradaban Jilid 10*, 38-61.

- Nor Hashimah Jalaluddin, Adriana Santa, Siti Noraini & Hayati Lateh. (2019). Penyebaran Dialek Melayu Satun di Langkawi dan di Thai: Satu Kajian Perbandingan Berasaskan Geographic Information System (GIS) (The Distribution of Satun Malay Dialect in Langkawi and Thai: A Comparative Study Based on Geographic Information System (GIS)). *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 19(1), 77–96.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Khairul Ashraaf Saari, Harishon Radzi & Fazal Mohamed. (2020). Migrasi dan Lanskap Baharu Dialek di Johor. *Akademika*, 90(3), 147-161.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Wan Athirah Adilah & Khairul Ashraaf Saari. (2021). The Continuum of Terengganu Dialect Along The East Coast Malaysia: A Geolinguistic Study. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 6(1), 176-198.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad, Harishon Radzi, & Norlisafina Sanit. (2016). Variasi kata ganti nama dialek di pesisir Perak: Analisis geographical information system (GIS). *GEMA Online Journal of Language Studies*, 16(1), 109-123.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Penyebaran dialek Patani di Perak: Analisis geolinguistik. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8(2), 310-330.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Maizatul Hafizah Abdul Halim, Harishon Radzi dan Junaini Kasdan. (2017). Penyebaran Dialek Melayu Di Langkawi: Analisis Geolinguistik. *Journal of Languages Studies. Volume 17(4)* (GEMA Online)
- Nurhamizah Hashim dan Asbah Razali. (2019). Teknologi dan Media Sosial dalam Komunikasi Ibubapa dan Anak-anak. *Jurnal Komunikasi Volume 35(4)*
- Nur Diyana binti Mohd Adzhar. (2019). *Subdialek Johor: Revisi Berasaskan Sistem Maklumat Geografi (GIS)*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Hidayah Abd Rahman. (2021). *The Muara: A Living River Lab in Muar*. Pagoh: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Remy Gedat, Chong Shin, Mohammed Azlan Mis dan Dilah Tuah. (2021). Pilihan Bahasa dalam Kalangan Etnik Minoriti Kedayan di Bekenu, Sarawak: Satu Penelitian Awal. *Journal of Language Studies. Volume 21(2)*. (GEMA Online).



- Roshidah Ahmad. (1 April 2022). *Faktor penyebaran leksikal dialek Melayu di Gombang*. [Temu bual].
- Sa'adiyah Ma'alip & Teo Kok Seong. (2019). Komunikasi Antara Keluarga: Bentuk Panggilan Kekeluargaan Masyarakat Orang Asli Che Wong. *Jurnal Melayu* 18(2): 100-117.
- Siti Noraini Hamzah & Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). Kepelbagaian Varian Leksikal Dialek di Perak: Pendekatan Geographical Information System. *Akademika*, 88(1), 137-152.
- Siti Noridayu Abd. Nasir, Hazlina Abdul Halim, Ahmad Shuib Yahaya, & Rohaidah Kamaruddin. (2022). Sebutan Kosa Kata Bahasa Melayu Murid Lembam Melalui Analisis Linguistik Klinikal: Sebutan Perkataan Melayu Dalam Kalangan Pelajar Lambat Menggunakan Analisis Linguistik Klinikal. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 33(2), 162–178.
- Xuebin Ma, Akira Nemoto, Nobuaki Minematsu & Yu Qiao. (2009). *Structural Analysis of Dialects, Sub-dialects and Sub-sub-dialects of Chinese*. Brighton.
- Zalina Mohd Zalzali. (2003). *Dialek Terengganu di sekitar kawasan Pantai Mukim Rusila, Daerah Marang: Satu kajian kes*. Universiti Malaya.